

03/03/2003

Spilt Gravy On Rice bolot hadiah utama

Suraiya Mohd Nor

TEATER Spilt Gravy On Rice arahan Zahim Albakri dengan skrip karya Jit Murad dari DramaLab berjaya membolot empat kategori dari 17 kategori dipertandingkan dalam Anugerah Seni Cameronian 2002 yang julung kali berlangsung di Hotel Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Teater hebat itu menewaskan Stories for Amah, Importance of Being Earnest dan Ubu Roi.

Zahim dan Jit masing-masing menerima bagi kategori Pengarah Terbaik dan Skrip Asli Terbaik, manakala Mac Chan di segi Penataan Cahaya (Teater) Terbaik yang menawarkan trofi dan wang tunai RM1,000 bagi setiap kategori.

Teater itu turut dipilih sebagai Pementasan Terbaik menerusi Anugerah Pilihan Penonton.

Saingan terdekatnya, Importance of Being Earnest terbitan The Actors Studio menjuarai dua kategori iaitu Anugerah Lakonan Terbaik Keseluruhan menerusi Allan Pereira dan Indi Nadarajah, manakala Paul Loosley bagi Reka

Bentuk Set (Teater) Terbaik.

Sementara teater The 2nd First Annual Bolehwood Awards dari Instant Cafe

Theatre Company yang menampilkan Jo Kukathas sebagai pelakon utamanya muncul sebagai Pelakon Terbaik, menewaskan tiga calon lain, Mew Chang Tsing (Stories for Amah), Gavin Yap (Importance of Being Earnest) dan Ari

Ratos (Ubu Roi).

Bagi kategori muzik pula, Cecilia Yap menerusi Opera di Tutti Fuiti dari

Philharmonic Society Selangor dipilih bagi kategori Persembahan Solo Terbaik; Fragrance of the Night oleh Dama Orkestra menjuarai Persembahan Berkumpulan manakala Mohd Yazid Zakaria dari Kumpulan Persembahan Kesenian

Petronas dipilih bagi Anugerah Komposisi Asal Terbaik menerusi Muzikal Indera Putra.

Aspects of Broadway persembahan Cheong Whye Mun pula merangkul Anugerah Pilihan Penonton (Muzik) apabila berjaya mendapat undian majoriti penonton.

Bagi kategori Tarian, La La Li Tang Pong 2002 dari Penang Dance Studio dan Curfew! dari Five Arts Centre memenangi dua kategori daripada empat kategori. Loke Soh Kim dan Umesh Shetty menerusi La La Li Tang Pong 2002 membawa pulang Anugerah Koreografer Terbaik dan Penari Solo Terbaik.

Curfew! menjuarai kategori Penari Berkumpulan dan Tatacahaya manakala Anugerah Pilihan Penonton (Tarian) jatuh kepada Joseph Gonzales dari Akademi Seni Kebangsaan (ASK).

Anugerah kali pertama anjuran syarikat penerbitan online, Kakiseni Sdn Bhd dengan penaja utama Cameronian Boh Tea dari Boh Plantations Sdn Bhd (BPSB) diadakan bagi mengiktiraf usaha penggiat seni persembahan tempatan

membabitkan tiga bidang utama, iaitu tarian, muzik dan teater.

Sejumlah 43 persembahan konsert, 32 tarian dan 46 pementasan teater diadili 26 pengadil yang membuat penilaian bermula 1 Mei hingga 31 Disember lalu.

Majlis seumpama Anugerah Tony di Amerika ini turut menyaksikan Krishen Jit menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat yang menawarkan wang tunai RM5,000 dan trofi atas tajaan BPSB berikutan sumbangannya yang besar. Hadiah ini disampaikan Pengerusinya, Tristan Russell.

Mark Teh pula menerima Anugerah Artis Muda Berbakat yang ditaja Hotel Mandarin Oriental, Ken Takiguchi (Anugerah Juara Pertembungan Budaya Artsee) manakala Dama Okerstra menerima Anugerah Rekaan Terbaik Tumasek.

Majlis yang dimulakan tepat jam 8.30 malam dan berakhir menampilkan Jit

Murad dan Paula Malai Ali sebagai pengacara. Gaya mereka yang bersahaja serta bijak mencuit hati penonton menjadikan malam bersejarah bagi penggiat seni persembahan itu meriah dan tidak membosankan.

Majlis penganugerahan ini diselang seli persembahan menarik bermula telatah lucu Jo Kukathas sebelum diikuti pukulan gendang Hand Percussions,

Nyoba & Dancers dan Comedy Court. Antara penyampai anugerah ialah Datin Paduka Marina Mahathir, Mac Chan, Patrick Teoh, Ning Baizura dan Harith Iskandar.